



**Isikan tempat kosong dengan Kata Ganti Umum yang sesuai:**

**apa-apa**            **bila-bila**  
**siapa-siapa**      **mana-mana**

1. .... bahagian rumah yang rosak telah diubahelok.
2. .... yang berpaling tadah kepada pihak musuh akan didakwa di mahkamah.
3. .... sahaja yang ingin menemuinya telah dilayan dengan baik.
4. Pihak berkuasa boleh memeriksa kebersihan rumah anda pada ..... masa yang sesuai.
5. Anda boleh mendapatkan keterangan lanjut di ..... balai rakyat di Singapura.
6. .... yang ingin bertemu dengan doktor dikehendaki mendaftarkan dirinya terlebih dahulu.
7. .... yang diketengahkan dalam mesyuarat itu hanya perkara remeh-temeh.
8. .... kerugian yang menimpa penumpang akan ditanggung oleh syarikat penerbangan itu.
9. Pihak polis akan menangkap ..... sahaja yang tidak mematuhi undang-undang.
10. Pergaduhan tidak akan menguntungkan ..... pihak yang terlibat.

11. Janganlah kita berbuat ..... yang boleh menyakiti hati orang tua kita.
12. Kami amat mengalu-alukan ..... yang sudi menghulurkan bantuan.
13. Ambil sajalah ..... kuih yang anda gemari.
14. Sila angkat tangan jika ada ..... yang tidak faham.
15. Ujian penggal pertama akan diadakan ..... masa dari sekarang.
16. Buatlah ..... yang kamu fikirkan baik untuk diri kamu.
17. Dia tidak berkata ..... pun sewaktu kami bertemu di masjid itu.
18. Pada hujung minggu ini, saya tidak bercadang ke .....
19. Ayah saya pun belum bercadang untuk menemui ..... pada hari Ahad ini.
20. Sewaktu kami tiba di rumah itu, tidak ada ..... yang menyambut kami.